

UMP, UniKL terpaksa akur 1-1

■ ROSILAWATI ROSEDI

KUANTAN - Pasukan bola sepak Universiti Malaysia Pahang (UMP) terpaksa akur dengan kekentalan lawan, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dengan jaringan seri, 1-1 di Stadium Darul Makmur di sini, kelmarin.

UniKL mendahului permainan hasil gerakan solo Mohd Shazmi Mohd pada minit kelima menyentak penyokong tuan rumah yang jelas terkejut dengan gol awal itu.

Tersentak dengan jaringan itu, pemain UMP bekerja keras untuk menyamakan kedudukan dengan serangan demi serangan ke gawang lawan namun kekentalan pertahanan UniKL membuatkan UMP terpaksa menunggu sehingga minit ke-50 menerusi Rahmat Che Hassim mengembirakan penyokong mereka.

Walaupun kedua-dua



Tengku Abdullah beramah mesra dengan pemain UMP sebelum perlawanan bermula.

pasukan mempunyai peluang terbaik, namun gagal disempurnakan sehingga wisel penamat dibunyikan, kedudukan kekal seri dengan satu jaringan.

Perlawanan persahabatan yang julung kalinya diadakan,

adalah cetusan idea Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah, yang juga Canselor bagi kedua-dua universiti terbabit bertujuan untuk memantapkan hubungan kerjasama antara kedua-dua universiti itu pada

masa akan datang.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Saifuddin Abdullah; Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim dan Presiden UniKL, Profesor

Datuk Dr Abdul Hakim Juri.

Tengku Abdullah juga menyempurnakan majlis penyampaian piala perlawanan kepada kedua-dua pasukan sekaligus menamatkan hari bersejarah bagi penuntut dan pemain terbabit.